

Saad Man cabar Osman Aroff di- Kubang Pasu

UM 16 APR 2001

ALOR SETAR 15 April — **Bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri**, Datuk Saad Man tidak akan mempertahankan jawatan Naib **Ketua Bahagian UMNO Kubang Pasu pada** pemilihan Sabtu **ini**.

Beliau bagaimanapun akan **men-**cabar bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff untuk jawatan Timbalan Ketua bahagian.

Keputusan Saad itu **memboleh-**kan Bendahari bahagian tersebut, Datuk Johari Baharom yang **juga** Setiausaha Politik **Perdana** Menteri, memenangi jawatan Naib Ketua **tanpa** bertanding.

Penolong Setiausaha UMNO Kubang Pasu, Shamsuddin **Ahmad** ketika dihubungi **memberitahu**, Saad telah memaklumkan secara rasmi kepada **urus** setia UMNO

bahagian semalam, **tentang** hasratnya **untuk** tidak bertanding **jawat-**an Naib Ketua.

Johari yang dilantik Setiausaha Politik **Perdana Menteri** awal tahun lalu, sebelum **ini** mendapat **seba-**nyak 105 pencalonan daripada **ca-**wangan untuk bertanding jawatan Naib Ketua **manakala** Saad **menda-**pat 16 pencalonan.

Saad turut mendapat 29 **penca-**lonan untuk bertanding jawatan Timbalan Ketua Bahagian dan Osman mendapat 96 pencalonan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menang **tanpa** bertanding jawatan Ketua **Bahagi-**an apabila kesemua 126 cawangan mencalonkan beliau untuk terus menerajui UMNO Kubang Pasu.